



**JABATAN STRATEGIK DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN (BSD)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

BORANG PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA

A. MAKLUMAT PEMOHON						
NAMA				NO. KP /NO. STAF/NO.MATRIK /NO. PASSPORT		
SYARIKAT/PERNIAGAAN/PTJ /PUSAT PENGAJIAN/KELAB/JAWATANKUASA/ INDIVIDU				NO. TELEFON		
ALAMAT						
KATEGORI	<input type="checkbox"/>	Pelajar UUM	<input type="checkbox"/>	Staf UUM / PTJ / Pusat Pengajian / Kelab	<input type="checkbox"/>	Pelajar UUM (bertindak sebagai penganjur)
	<input type="checkbox"/>	PTJ / Pusat Pengajian / Persatuan / Kelab (bertindak sebagai penganjur)	<input type="checkbox"/>	Pengusaha luar / Perniagaan luar / Syarikat luar		

B. LOKASI PERNIAGAAN				
BIL.	LOKASI	JUMLAH TAPAK	JUMLAH HARI	TARIKH
1.	Varsity Mall			
2.	Budi Mall, Bukit Kachi			
3.	Perpustakaan Sultanah Bahiyah			
4.	Pusat Konvensyen			
5.	Tapak Ekspo / Tapak Niaga			
6.	Pusat Sukan			
7.	Dataran Pusat Budaya			
8.	Perkarangan Pusat Islam			
9.	Inasis (Laluan A, B, C & D)			
10.	Pusat Pengajian (Nyatakan): _____			
11.	Lain-Lain Lokasi (Nyatakan): _____			

C. KATEGORI PERNIAGAAN				
Tapak Niaga	<input type="checkbox"/>	Food Truck	<input type="checkbox"/>	
Karnival/Fiesta/Pameran	<input type="checkbox"/>	Lain-lain: _____	<input type="checkbox"/>	

D. JENIS PERNIAGAAN

E. PERAKUAN

- i) Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini adalah benar dan sekiranya didapati palsu atau tidak benar, pihak BSD UUM berhak untuk membatalkan permohonan/kelulusan dengan serta merta.
- ii) Saya mengaku akan mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh BSD UUM sekiranya saya ditawarkan permit perniagaan sementara ini.

Tandatangan Pemohon : _____

Tarikh: _____

F. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Borang Permohonan

- a) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada Bahagian Pengurusan Perniagaan dan Pelesenan (B3P), Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD), Universiti Utara Malaysia selewat-lewatnya pada jam **4.30 petang** pada hari **Ahad** setiap minggu.
- b) Borang permohonan yang lewat diterima oleh BSD seperti di Perkara 1(a), akan diproses pada minggu berikutnya. Hanya borang permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.
- c) Borang permohonan yang telah diluluskan boleh diambil di pejabat BSD bermula jam **11 pagi** pada hari **Khamis** setiap minggu.
- d) Tempoh hari perniagaan bagi setiap permohonan adalah antara 1 hari hingga 7 hari sahaja. Jika pengusaha berminat untuk melanjutkan tempoh perniagaan, pengusaha perlu mengisi borang permohonan yang baharu.
- e) Setelah mendapat kelulusan, pemohon dikehendaki membuat bayaran sewaan tapak niaga di kaunter bayaran, aras 3, Jabatan Bendahari UUM dan menyerahkan salinan resit kepada pihak B3P bagi tujuan kebenaran memulakan perniagaan.
- f) Mana-mana pihak yang telah mendapat kelulusan permit berniaga adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyewakan/menjual/memindahmilik permit ini kepada pihak ketiga.
- g) Pelajar yang menjalankan perniagaan dengan kerjasama pengusaha luar (joint venture) perlulah terlibat dengan aktiviti perniagaan ini sekurang-kurangnya dengan kehadiran dan penglibatan sebanyak 50% dalam tempoh masa/waktu perniagaan dijalankan.
- h) BSD berhak untuk meminda tarikh permit dan lokasi tapak niaga yang telah diluluskan sekiranya berkeperluan (melalui notis).
- i) Pemohon tidak dibenarkan membuat penukaran/pindaan tarikh permit dan lokasi tapak niaga selepas permit diluluskan.
- j) Sekiranya perniagaan yang ingin dijalankan adalah di Pusat Pengajian atau Inasis, lokasi tapak niaga ini perlulah tidak berhampiran dengan kafetaria sedia ada yang sedang beroperasi.

2. Dokumen-dokumen Yang Diperlukan

- a) 1 salinan sijil Pendaftaran Perniagaan SSM (pengusaha luar sahaja) atau Lesen B (untuk pelajar sahaja).
- b) 1 salinan Kad Pengenalan/Kad Staf/Kad Pelajar/Passport Antarabangsa Pelajar (Bukan Warganegara).
- c) 1 salinan surat kelulusan kertas kerja projek/program/aktiviti berserta cadangan pelan tapak.
- d) 1 senarai lengkap pengusaha yang mengambil bahagian (bagi karnival/fiesta/pameran).
- e) 1 salinan kad suntikan anti-typoid yang sah tempoh (perniagaan makanan/minuman sahaja).
- f) 1 salinan senarai produk jualan atau menu makanan/minuman yang akan dijual.
- g) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan (contohnya surat kelulusan penggunaan ruang daripada PTJ yang terlibat, surat makluman kepada Jabatan Keselamatan UUM, surat kebenaran menggunakan bunga api daripada pihak Polis Diraja Malaysia dan sebagainya) sekiranya perlu.
- h) Semua dokumen di atas perlu dilampirkan bersama borang permohonan ini.

3. Syarat-Syarat Asas

- a) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang menjalankan perniagaan bukan makanan/minuman.
- b) Pemohon yang menjalankan perniagaan makanan/minuman adalah tertakluk kepada perkara berikut:
 - i. Makanan/minuman yang dijual mestilah **HALAL** dan **BERSIH**.
 - ii. Makanan/minuman yang dijual mestilah siap dipek dengan kemas (ready to eat).
 - iii. Pengusaha dan pekerja perniagaan makanan/minuman **diwajibkan** mengambil suntikan anti-typoid.

- iv. Pengusaha dan pekerja perniagaan makanan/minuman juga **diwajibkan** berpakaian kemas dan berpenampilan bersih, memakai baju-T berkollar, kasut bertutup, apron, pelitup muka (jika perlu) dan penutup kepala sepanjang menjalankan perniagaan.
 - v. Penggunaan bekas makanan polisterin dan straw adalah tidak dibenarkan. Pengusaha boleh menggunakan bekas makanan biodegradasi, eco-pack, tupperware dan kertas pembungkus.
 - vi. Pengusaha **diwajibkan** mempamerkan tanda harga dan nama produk jualan.
- c) Pengarah BSD (atas budi bicaranya dan juga nasihat daripada pihak berkuasa) mempunyai kuasa penuh untuk membatalkan mana-mana permit perniagaan sementara yang telah diluluskan dan mengarahkan (secara bertulis) pengusaha/pihak penganjur karnival/fiesta/pameran untuk menamatkan aktiviti mereka dengan serta-merta sekiranya:
- pengusaha ataupun penganjur karnival/fiesta/pameran yang terlibat didapati telah melanggar mana-mana daripada syarat kelulusan permit perniagaan sementara seperti yang dinyatakan di dalam borang PPS-1, atau;
 - perniagaan/karnival/fiesta/pameran yang dijalankan didapati telah mendatangkan kesan negatif ke atas aspek keharmonian, kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan pelajar/komuniti kampus.
- d) Bayaran yang telah dibuat oleh pengusaha/penganjur bagi permit yang dibatalkan atas sebab-sebab yang dinyatakan di para (c) tidak akan dikembalikan dan sebarang rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
- e) Masa perniagaan adalah daripada jam **7.00 pagi** sehingga jam **10.00 malam** dan boleh dilanjutkan sehingga jam 12.00 tengah malam sekiranya perlu (pemohon perlu mengemukakan surat permohonan kepada pihak BSD).
- f) Bagi penjualan produk berdasarkan kesihatan, pihak pemohon perlu mengemukakan sijil daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memperakukan keselamatan produk yang dijual.

4. Tapak Perniagaan

- a) Pihak BSD hanya menyediakan tapak atau ruang niaga sahaja dan pengusaha/penganjur perlu menyediakan peralatan dan kelengkapan perniagaan mengikut keperluan sendiri.
- b) Pengusaha/penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebersihan tapak atau ruang niaga.
- c) Penganjur karnival/fiesta/pameran adalah bertanggungjawab untuk menyediakan tong pelupusan sisa pepejal yang bersesuaian bagi membolehkan peserta karnival/fiesta/pameran yang mengambil bahagian melupuskan sisa pepejal mereka mengikut prosedur yang betul.
- d) Pengusaha/penganjur adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk melupuskan sisa pepejal / sisa cecair mereka (sampah/sisa minyak masak/lebihan air minuman/air basuhan/lebihan makanan dan seumpamanya) ke dalam sistem perparitan terbuka/saluran tandas di dalam kawasan kampus.
- e) **SATU (1)** permit perniagaan sementara adalah untuk **SATU (1)** tapak niaga/khemah/booth/food truck sahaja.

5. Kadar sewa harian bagi Permit Perniagaan Sementara adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Kadar Sewa/Hari
1.	Pelajar UUM	RM10.00
2.	Staf UUM / PTJ / Pusat Pengajaran / Persatuan / Kelab	RM20.00
3.	Pelajar UUM (bertindak sebagai penganjur)	RM30.00
4.	PTJ / Pusat Pengajaran / Persatuan / Kelab (bertindak sebagai penganjur)	RM40.00
5.	Pengusaha Luar / Perniagaan Luar / Syarikat Luar	RM50.00

G. KEGUNAAN BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN DAN PELESENAN (B3P), BSD

Permohonan Permit Perniagaan Sementara.

KEPUTUSAN : DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN / KIV

Catatan/ulasan:

Tandatangan: _____

Tarikh : _____

Cop Rasmi :